

## **PAMERAN BUKU READ MALAYSIA, PAMERAN YANG TERHEBAT UNTUK RAKYAT MALAYSIA PADA MUSIM CUTI SEKOLAH**

Kuala Lumpur, 13 Mei 2010- MINES Event Management Sdn Bhd dengan rasminya melantik Aznil Hj.Nawawi sebagai duta untuk Pameran Buku READ Malaysia 2010 yang bakal diadakan buat kali ke-2 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia, MINES Resort City pada 4 sehingga 13 Jun 2010 dan dibuka dari pukul 11.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pameran buku yang terbesar ini terdiri daripada 500 kiosk yang merangkumi 12,500 meter persegi yang terdiri daripada pelbagai jenis buku Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Malah, pihak penganjur berjaya menggabungkan 30 pengarang dan selebriti terkenal untuk menjayakan pameran buku yang bertaraf antarabangsa ini dan menganggarkan seramai 400,000 orang akan mengunjungi pameran buku ini.

READ Malaysia 2010 juga amat bertekad untuk memberi sokongan kepada para pendedar dan penerbit tempatan bagi memajukan dan mewujudkan peluang perniagaan dengan menempatkan mereka di bawah satu bumbung bersama para pendedar dan penerbit ternama termasuk MPH Bookstores, Gramedia Bookstores International, PTS Publication, Sasbadi, Ana Muslim, Pelangi dan ramai lagi akan menanti pelawat-pelawat yang hadir.

Pameran ini dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu bahagian Buku Am, ruang Kanak-Kanak, Pavillion Pendidikan, Alat Tulis dan Cenderamata serta bahagian Elektronik dan Multimedia. Pelbagai aktiviti diadakan untuk menarik pelawat- pelawat mengunjungi READ Malaysia, antaranya yang akan menjadi tumpuan orang ramai adalah sesi Aznil Hj.Nawawi bersama orang ramai dan fotografi di pentas utama. Pihak MINES Event Management juga turut menganjurkan pelbagai aktiviti- aktiviti lain seperti forum dan seminar, sesi perjumpaan dan penampilan penceramah dan penulis yang terkenal seperti Russell Lee dan James Lee dari "Flame of the Forest", Azizi Ali, Nohdattun Nisaak, demo karikatur bersama Alif Fridaus, demo memasak bersama Chef Arm serta penampilan istimewa Upin dan Ipin yang terkenal di kalangan rakyat Malaysia dan pelbagai aktiviti lain.

Menurut pihak MINES Event Management Sdn Bhd, tujuan utama untuk menganjurkan pameran buku yang bertemakan READ Malaysia buat kali ke-2 ini adalah selaras dengan dasar 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat berbilang kaum yang berilmu.

Bagi memudahkan orang ramai mengunjungi READ Malaysia, MINES Event Management Sdn Bhd juga telah menyediakan perkhidmatan bas berulang-alik secara percuma dari Stesen

LRT Star Bandar Tasik Selatan, Stesen Bas South City Plaza dan Stesen Komuter Serdang ke Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia, MINES Resort City.

Pameran Buku READ Malaysia 2010 dianjurkan oleh MINES Event Exhibition Sdn Bhd, diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Perlancongan Malaysia.

Media rasmi bagi pameran buku ini adalah Kosmo, China Press dan Nanyang Siang Pau, Sinar Fm, Mix Fm dan My FM.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Cik Ong Li Yan di talian 03- 8945 5566/ 019- 600 2109 atau melalui faksimili 03-8945 2155 atau emel kepada [liyan@miecc.mines.com.my](mailto:liyan@miecc.mines.com.my) atau layari [www.readmalaysia.my](http://www.readmalaysia.my).